

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK**

**TARIKH : 18 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 41**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan bilangan tempat letak kereta berdekatan stesen KTM/MRT di Kajang. Apakah yang menghalang Kementerian dari menambah tempat letak kereta dengan membina parkir bertingkat di atas tanah milik KTMB berhadapan Masjid India di Jalan Reko, Kajang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Stesen Kajang merupakan sebuah stesen bersepadu (integrated station) antara sistem pengangkutan Mass Rapid Transit (MRT) dan juga perkhidmatan Komuter dan Electric Train System (ETS) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).
2. Berdasarkan rekod KTMB, bilangan pengguna perkhidmatan ETS di Stesen Kajang adalah sebanyak 28,985 orang dan pengguna perkhidmatan komuter pula adalah seramai 1,109,214 orang. Manakala bagi tahun 2018 (Januari hingga Oktober) bilangan pengguna perkhidmatan ETS di Stesen Kajang adalah sebanyak 37, 685 orang dan pengguna perkhidmatan komuter pula adalah seramai 800,014 orang
3. Stesen Kajang pada ketika ini dilengkapi dengan kemudahan parkir setinggi 7 tingkat yang menyediakan sebanyak 1,180 petak untuk kereta dan 1,552 petak untuk motosikal. Parkir tersebut dibina dengan anggaran kos sebanyak RM 50 juta dan telah dibuka kepada pengguna pada bulan Julai 2017 yang lalu.
4. Parkir tersebut beroperasi mulai jam 5.00 pagi hingga jam 12.00 malam setiap hari dengan kadar caj yang dikenakan seperti berikut:
  - i) 15 minit pertama : Percuma
  - ii) 3 jam pertama : RM 2.00
  - iii) Tambahan jam berikutnya : RM 1.00
  - iv) Kadar maksimum sehari : RM 4.00
  - v) Motosikal : RM 1.00

vi) Orang Kelainan Upaya : Percuma

5. Kementerian melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) juga pada dasarnya tidak mempunyai sebarang halangan untuk menambah tempat meletak kenderaan di atas tanah milik RAC berhadapan kawasan Masjid India Jalan Reko, Kajang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, RAC telah pun melatik operator untuk menguruskan tapak tersebut pada bulan Jun 2016. Namun, syarikat tersebut telah memohon penamatan sewaan pada 1 Januari 2018 disebabkan bilangan kereta semakin berkurangan akibat daripada pembukaan bangunan parkir bertingkat di stesen.
6. Tiada sebarang aduan yang diterima oleh RAC daripada pengguna setakat ini berkaitan isu kekurangan tapak parkir di stesen ini. Walau bagaimanapun, MOT sentiasa memantau sebarang isu berbangkit dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika isu kekurangan tapak parkir ini timbul pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.